



SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) 3.0 DAN GKP PEMERKASA+

1. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP 3.0 dan GKP PEMERKASA+ adalah Gagal Kredit?

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, tuan perlu mengemaskini maklumat Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi di menu Kemas kini No. Akaun pada Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemaskini hendaklah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan), berstatus aktif dan berdaftar menggunakan nombor kad pengenalan baharu pemohon. Pastikan juga nombor akaun bank yang dimasukkan adalah nombor akaun yang boleh digunakan bagi tujuan pengkreditan.

2. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP sebelum ini?

Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut dan akaun bank itu adalah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

Pemohon juga digalakkan membuka akaun bank baharu (Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP) bagi mengelakkan masalah gagal kredit berulang.

3. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya gagal mengemukakan akaun bank simpanan / semasa untuk pembayaran semula GKP 3.0 dan GKP PEMERKASA+ ?

Pemohon perlu mempunyai akaun bank simpanan / semasa kerana pembayaran semula GKP 3.0 dan GKP PEMERKASA+ hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

4. Bilakah tarikh kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dilakukan?

Tarikh kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dibuat pada portal rasmi GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>) mulai 15 Julai 2021 sehingga 31 Julai 2021.

5. Bilakah pembayaran semula GKP 3.0 dan GKP PEMERKASA+ akan dilakukan bagi status Gagal Kredit?

Tarikh pembayaran semula kepada penerima yang berstatus Gagal Kredit GKP 3.0 dan GKP PEMERKASA+ adalah mulai 15 September 2021.

- 6. Sekiranya pembayaran GKP 3.0 dan GKP PEMERKASA+ berstatus gagal kredit dan saya baru sahaja mengaktifkan Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi tersebut, adakah saya perlu membuat kemas kini akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan?**

Ya. Anda perlu membuat kemas kini maklumat akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan dengan memasukkan maklumat akaun bank yang sama bagi tujuan pembayaran semula bantuan.

- 7. Sekiranya status pembayaran GKP PERMAI saya juga turut berstatus Gagal Kredit sebelum ini, adakah saya juga turut akan menerima pembayaran semula GKP PERMAI berkenaan?**

Pembayaran semula yang akan dilakukan adalah terhadap kepada program GKP sepanjang tahun 2021 sahaja.

- 8. Jika penerima berstatus Gagal Kredit GKP 3.0 / GKP PEMERKASA+ dan telah meninggal dunia, adakah pembayaran semula akan dikreditkan ke akaun bank penerima berkenaan?**

Bagi penerima yang telah meninggal dunia sebelum atau pada 14 Julai 2021, tidak layak menerima bayaran semula GKP 2021 jika berstatus Gagal Kredit.

- 9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP 3.0 dan GKP PEMERKASA+?**

Sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Dikemas kini pada 13 September 2021